

Radius CIO

Edisi 3 Bilangan 2/2019

@ UTeM

ISSN 2590-3640



9 772590 364008

Dimensi Baharu Ruang Pejabat

*Majlis Pelancaran
Read@Uni*

Aktiviti
Mewarna PPPK

Bengkel Hala Tuju
Penerbitan Karya Kreatif UTeM

Penjenamaan Semula Perkhidmatan
Program Pendidikan Pengguna

Data Raya (Big Data) Di Dalam
Persekitaran Sektor Kerajaan

Program
BEDAH BUKU di PLH

Kunjungan Penerbit UPSI

PLH Menang
Pingat Perak Anugerah Hijau
Negeri Melaka 2019

Majlis Apresiasi
PENERBITAN UTeM 2019

20
ULANG TAHUN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bengkel STEP BY STEP GUIDE TO WRITING RESEARCH PAPER

Sidang REDAKSI

Penaung	Encik Mohd Isa Mohd Dom
Penasihat	Ts. Dr. Abdul Syukor Bin Mohamad Jaya Pn. Norhazlena Binti Sabtu Encik Azman Bin Hj Ayup Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Binti Mohamad
Ketua Editor Bersama	Dr. Ruziah binti Ali Puan Noornahar bte. Hj. Akashah
Editor	Encik Mohammad Dzulhisham bin Che Hassim Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof
Pembaca Pruf	Puan Siti Zurah binti Mohd Nasir Puan Noraini binti Mohd Noor
Reka Letak & Reka Bentuk	Puan Hanisah binti Hamdzah Puan Suria binti Abdul Rahman
Urus Setia	Puan Jorafiza binti Juki

Kandungan

- Data Raya (Big Data) Di Dalam Sektor Kerajaan 3
- Pelaksanaan Sistem KOHA Di Perpustakaan Laman Hikmah 6
- Penjenamaan Semula Program Pendidikan Pengguna (PPP) kepada Program Literasi Maklumat (PLM) di Perpustakaan Laman Hikmah 7
- Penganjuran Pameran Pejabat Ketua Pegawai Maklumat 9
- Spreading Good Vibes in Organizing English Language Campaign Amongst Staf PPK & CIO 10
- PLH Terima Penaraan 2 Bintang Bagi MaPTeP 2019 11
- PLH Menang Pingat Perak Anugerah Hijau Negeri Melaka 2019 12
- Majlis Pelancaran READ@UNI Universiti Teknikal Malaysia Melaka 13
- Perpustakaan Laman Hikmah Endah@Komuniti 14
- Program Bedah Buku Bersama Profesor Madya Dr. Norliah Kudus 15
- Bengkel "Step By Step Guide To Writing Research Paper" 18
- Bengkel Hala Tuju Penerbitan Karya Kreatif UTeM 19
- Penganjuran Program "120 Days Fit Challenge" 20
- Aktiviti Mewarna Menghilangkan Tekanan di Tempat Kerja 21
- Hidup Sihat Keluarga Bahagia 22
- Pengsan Terkena Renjatan Elektrik 23
- Dimensi Baharu Ruang Pejabat 24
- Lawatan ke UUM Press 25
- Kunjungan Penerbit UPSI ke Penerbit UTeM 26
- Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM 2019 27
- Tahniah - Kenaikan Pangkat
 - Penghargaan - Mantan Pengarah Penerbit Universiti
 - Sekalung Budi - Pertukaran Penempatan
 - Selamat Datang - Pengarah Penerbit Universiti Baharu
 - Setiausaha Pejabat,
 - Pej. Ketua Pegawai Maklumat
- Sanggar Bahasa 30
 - Common Verbs In English
 - Regular Verbs
 - Kesilapan Ejaan

Coretan Ketua Editor Bersama

Assalammualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 UTeM,

ALHAMDULILLAH SYUKUR KE HADRAT ILAHI.

Kami di RADIUSCIO@UTeM memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan untuk kami meneruskan usaha dalam menerbitkan RADIUSCIO@UTeM Bil. 2/2019.

Penerbitan kali ini meneruskan paparan sekitar aktiviti yang berlaku sepanjang bulan Ogos hingga Disember 2019. RADIUSCIO@UTeM masih terus memperlihatkan berbagai aktiviti dan program dari setiap PTJ di bawah tadbir urus Pejabat CIO. Dipaparkan juga rencana Data Raya - memberi penerangan penggunaannya yang begitu penting dalam urusan pekerjaan kita sehari-harian di pejabat. Kami berharap apa yang dipaparkan buat warga UTeM dapat sama-sama dimanfaatkan.

Wassalam.



DATA RAYA (BIG DATA) DI DALAM PERSEKITARAN SEKTOR KERAJAAN

Rencana ini diambil dari
<https://km.anm.gov.my>

PENGENALAN


Istilah ini telah digunakan sejak tahun 1990-an lagi. Data raya merupakan satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan peranti mudah alih dengan keupayaan pemprosesan yang pantas, capaian Internet berkelajuan tinggi dan simpanan data yang bersaiz besar (wikipedia, 2018).

Perkembangan fenomena data raya juga berkait rapat dengan penghasilan data yang pelbagai format dan jenis (*variety*), dalam isipadu (*volume*) besar dan frekuensi (*velocity*) tinggi. Ianya mampu mendorong pertumbuhan inovasi baru dan membuka ruang kepada industri dan agensi kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, yang mana ia tidak pernah difikirkan sebelum ini.

Analisis data raya terdiri daripada proses pemeriksaan, pembersihan, perubahan, dan pemodelan data dengan matlamat untuk mencari maklumat yang berguna bagi membuat sesuatu keputusan.

Analisis data raya merupakan gabungan daripada kemahiran menggunakan teknik teknologi maklumat yang bersesuaian untuk menganalisis data dan kemahiran dalam memahami maklumat yang dihasilkan. Ia dapat dirumuskan dan diterjemah kepada bentuk visual yang boleh membantu pengguna untuk membuat sesuatu keputusan.

Rajah 1 : EVOLUSI DATA



Rajah 2 : NILAI ANALISIS DATA RAYA



CIRI-CIRI DATA RAYA

Terdapat empat (4) 'V' utama yang telah dikenal pasti bagi menentukan ciri-ciri data raya.

i. Saiz Data (Volume)

Ini merujuk kepada saiz data yang amat besar yang mana organisasi perlu menyimpan dan memproses. Sebagai contoh Match.com yang menyimpan 70 terabytes data berkaitan pelanggannya (Kaplan, 2015).

ii. Kepelbagaian Data (Variety)

Data raya boleh didapati daripada berbagai sumber. Sebagai contoh Match.com dengan kebenaran pengguna telah memperolehi data daripada browser dan search histories pengguna, viewing habits dan sejarah pembelian supaya dapat mengenalpasti dengan tepat calon pasangan mana yang mungkin menepati kehendak pelanggan (Kaplan, 2015).


iii. Halaju (Velocity)

Data akan berubah dengan kerap dan perlu sentiasa dikemaskini. Bagi Match.com apabila terdapat pelanggan baru atau pelanggan sedia ada membuat perubahan berkaitan kriteria pasangan. Match.com akan sentiasa mendapatkan maklumat bagi memastikan calon pasangan yang bersesuaian berdasarkan perubahan yang dibuat (Kaplan, 2015).

iv. Kebenaran (Veracity)

Adalah amat penting organisasi mendapatkan maklumat yang tepat. Kegagalan ini menyebabkan analisa yang dibuat tidak boleh digunakan. Match.com mendapati terdapat pelanggan yang tidak memberikan maklumat yang betul. Ini menyebabkan kegagalan dalam mendapatkan calon pasangan yang tepat. Menggunakan maklumat seperti sejarah pembelian pelanggan atau web browser histories adalah lebih dipercayai berbanding maklumat yang diberikan oleh pelanggan (Kaplan, 2015).

Rajah 3 : CIRI-CIRI DATA RAYA



Manfaat Penggunaan Data Raya

Di antara manfaat menggunakan data raya adalah:

- Menuju ke arah inovasi** dengan mengurangkan masa yang diambil untuk mendapatkan maklumat yang kritikal untuk digunakan dalam proses membuat keputusan (Kaplan, 2015).
- Kelebihan dalam bersaing** kerana dapat mengenal pasti trend atau maklumat yang belum dikenal pasti oleh pesaing (Kaplan, 2015).
- Meningkatkan produktiviti** dengan mengenal pasti ketidakcekapan atau mengenal pasti penambahbaikan terhadap prosedur kerja (Kaplan, 2015).

Cabarang Menguruskan Data Raya

Walaupun terdapat banyak peluang-peluang ke arah membuat keputusan yang tepat ia juga terdedah kepada pelbagai cabaran dan risiko, seperti:

i. Privasi dan keselamatan data

Kerajaan komited untuk melindungi privasi warganya. Oleh itu kerajaan menetapkan sempadan yang jelas untuk penggunaan maklumat peribadi. Kerajaan, apabila mengumpul atau menguruskan data warganegara mesti mematuhi peraturan dan undang-undang lain yang berkenaan. Kerajaan hendaklah berhati-hati menguruskan data ini supaya keyakinan rakyat terhadap kerajaan adalah terpelihara (Varun Singh et al, 2014).

ii. Pengurusan dan Perkongsian Data

Maklumat yang boleh diakses adalah penting dalam demokrasi yang matang dan ekonomi yang produktif. Setiap orang yang terlibat dalam analisis data bersetuju untuk data tersebut mempunyai apa-apa nilai ia hendaklah memenuhi tiga (3) keperluan asas iaitu dapat ditemui, diakses dan dapat digunakan (Varun Singh et al, 2014).

iii. Teknologi

Evolusi data raya dan keupayaannya untuk menganalisa data raya yang kompleks adalah mustahil pada masa lalu. Ia dapat direalisasikan dengan kemajuan teknologi terkini. Sekiranya Kerajaan ingin menganalisa data raya, ia akan

memberikan beban yang kepada perkakasan dan perisian semasa, yang mana ia sudah dibebani dengan tugas seperti memproses, menganalisis dan menyimpan data sedia ada (Varun Singh et al, 2014).

iv. Kemahiran

Data raya adalah sesuatu yang baru dan ia agak kompleks. Oleh yang demikian Kerajaan perlu mengambil pegawai yang mempunyai kemahiran baru dan pelbagai. Ini termasuklah mahir dalam bidang sains, kejuruteraan, penyelidikan teknologi, matematik dan statistik, analisis dan pemahaman terhadap proses dan tujuan. Walau bagaimanapun yang penting adalah kreativiti (Varun Singh et al, 2014).

Data Raya Dalam Persekutuan Sektor Kerajaan

Kerajaan boleh mengakses sejumlah besar maklumat relevan yang penting untuk tugas-tugas harian sama ada ia dalam bentuk berstruktur atau tidak berstruktur. Berdasarkan maklumat yang diperolehi secara *real time*, ia membolehkan kerajaan menentukan kawasan atau sektor yang memerlukan lebih perhatian (Gil Allouche, 2014).

Pengharapan rakyat yang tinggi menyebabkan analisis secara *real time* adalah penting. Ia membolehkan kerajaan membuat keputusan dengan lebih cepat dan membolehkan juga keputusan tersebut dapat dipantau secara *real time*. Sekiranya keputusan sebelum ini memerlukan perubahan ia dapat dilakukan dengan segera (Gil Allouche, 2014). Data raya boleh dimanfaatkan dalam beberapa keadaan seperti berikut:

i. Pengangkutan

Terdapat banyak data yang berbeza yang diperolehi daripada laporan kemalangan, laporan penyelenggaraan, aduan, berita dan keadaan cuaca. Walau bagaimanapun, dengan data yang besar ini kerajaan boleh membuat perancangan dan pelaksanaan yang lebih baik untuk memastikan jalan raya yang lebih baik, jalan raya yang lebih selamat, laluan yang lebih baik dan mewujudkan laluan baharu (Gil Allouche, 2014).

ii. Kesihatan

Penjagaan kesihatan adalah penting dalam mensejahterakan negara. Pelbagai penyakit baru dan pertambahan bilangan pesakit yang menghidapi penyakit kronik, menyebabkan sebahagian perbelanjaan kerajaan dibelanjakan untuk penjagaan kesihatan. Kebanyakan kerajaan mempunyai sistem kesihatan yang amat bergantung kepada subsidi dan sokongan kerajaan, ini menyebabkan terdapat potensi sumber dibazirkan atau tidak diperuntukkan secara adil.

Dengan mempunyai data raya, kerajaan boleh mendapat gambaran yang lebih jelas tujuan wang itu dibelanjakan (Gil Allouche, 2014). Kerajaan juga boleh menganalisis dengan lebih mendalam keperluan rakyat dan boleh membuat perubahan yang diperlukan untuk menyediakan rakyat dengan perkhidmatan terbaik (Gil Allouche, 2014).

iii. Pendidikan

Pendidikan adalah topik yang hangat dibincangkan kerana ia menentukan arah tuju pembangunan negara. Apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan menyediakan pendidikan yang diperlukan? Data raya membantu kerajaan memahami lebih banyak keperluan pendidikan di peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat doktor falsafah. Ini penting bagi memastikan bahawa generasi muda akan mendapat pendidikan terbaik untuk menguruskan negara ini pada masa akan datang (Gil Allouche, 2014).

iv. Pertanian


Tanah adalah sesuatu sumber yang amat terhad dan kos membangunkan tanah bagi tujuan pertanian dan ternakan adalah mahal. Pelbagai tanaman yang berbeza ditanam, pelbagai haiwan yang dipelihara dan pada masa yang sama terdapat masalah-masalah berkaitan dengannya (Gil Allouche, 2014).

Data raya mengubah cara kerajaan dalam mengurus dan memberi sokongan kepada petani dan sumber mereka (Gil Allouche, 2014). Keupayaan untuk mengumpul jumlah data yang besar dan menganalisisnya dengan cepat dapat mengubah pendekatan bagi menguruskan sektor pertanian.

v. Kemiskinan

Kemiskinan berlaku di mana-mana sahaja di dunia ini. Ia adalah isu yang sukar ditangani dan berbagai kaedah telah digunakan bagi menyelesaikan masalah ini. Data raya memberikan panduan kepada kerajaan untuk mencari idea yang lebih berkesan dan inovatif mengenai cara menurunkan kadar kemiskinan di seluruh dunia (Gil Allouche, 2014). Lebih mudah untuk menentukan kawasan sasaran, keperluan yang amat diperlukan dan kaedah bagaimana keperluan tersebut dapat dipenuhi.

Rajah 4 : KEGUNAAN ANALISIS DATA RAYA



KESIMPULAN

Pengurusan data raya adalah sangat penting bagi kerajaan di seluruh dunia. Ia tidak dapat menyelesaikan setiap masalah, tetapi ia dapat memberi panduan ke arah yang betul. Ia memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan kepada pemimpin untuk membuat perubahan penting yang akan memberi manfaat kepada rakyat pada masa hadapan.

Senarai Rujukan

- Gil Allouche, 2014 '5 Applications of Big Data in Government, Gil Allouche' (atas talian) boleh didapati di: <https://datafloq.com/read/5-applications-big-data-ingovernment/65> (diakses pada: 24 Disember 2018).
- John Manzoni, 2017 'Big data in government: the challenges and opportunities' (atas talian). boleh didapati di: <https://www.gov.uk/government/speeches/big-data-in-government-the-challenges-and-opportunities> (diakses pada: 24 Disember 2018).
- Kaplan, 2015, Strategic Management, CIMA Official Study Text, Kaplan Publishing ISBN: 978-1-78415-298-7
- Ken Garrett, 'Big Data' (atas talian). boleh didapati di: <https://www.accaglobal.com/my/en/student/exam-support-resources/professionalexams-study-resources/>

p5/technical-articles/big-data.html (diakses pada: 24 Disember 2018).

- MAINPP, 2013, 'Analitis data raya sektor awam' (DRSA): strategi, cabaran dan halatuju, (atas talian). boleh didapati di: <https://www.mainpp.gov.my/index.php/nota-kursus-latihan/category/3-it?download=10:drsa-penang-anis-suhailis-mampu-latest> (diakses pada: 24 Disember 2018).
- MAMPU, 2018, Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA) (atas talian) . boleh didapati di: <http://www.mampu.gov.my/ms/data-raja-sektor-awam-drsa> (diakses pada: 24 Disember 2018).
- Varun Singh, Ishan Srivastava, Vishal Johri, 2014 Big Data and the Opportunities and Challenges for Government Agencies (atas talian). boleh didapati di: <https://pdfs.semanticscholar.org/c74f/f91acfdea6724150d8c09351d40ae54270a6.pdf> (diakses pada: 26 Disember 2018) ISSN: 0975-9646.
- Wikipedia, 2018 'Big Data' (atas talian). boleh didapati di: https://en.wikipedia.org/wiki/Big_data (diakses pada: 24 Disember 2018).

Amirul Anwar bin Jamaludin
Elezanor binti Abdul Hamid
Norhidayu binti Kudus
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

PELAKSANAAN SISTEM KOHA DI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Oleh:
Mahadir Che Ali

Integrated Library Management Utility atau ILMU merupakan sistem perpustakaan yang telah digunakan di Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sejak dari tahun 2005. Sistem ini adalah sebuah sistem perpustakaan bersepada yang mengintegrasikan fungsi-fungsi tertentu bagi perpustakaan seperti perolehan dan langganan bahan, penerimaan, pemprosesan, pengkatalogan, pencarian bahan dan transaksi sirkulasi seperti pinjaman, pemulangan, pembaharuan, tempahan bahan dan penyediaan statistik. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan melalui modul-modul yang terdapat dalam sistem perpustakaan tersebut seperti modul Perolehan, Pengkatalogan, Sirkulasi, OPAC dan InfoTrack.

Pada 25 dan 26 Ogos 2016, Unit Sistem Perpustakaan, Bahagian Automasi telah menghadiri Bengkel Sistem Perpustakaan KOHA di Pusat Eureka, Universiti Sains Malaysia. Hasil daripada bengkel tersebut didapati bahawa sistem ini berkeupayaan dan berpotensi untuk digunakan di PLH UTeM bagi menggantikan sistem ILMU.

Cadangan penukaran sistem juga adalah saranan daripada Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dalam Mesyuarat Pengurusan PLH Bil. 8/2016 pada 17 Oktober 2016 supaya Bahagian Automasi, PLH membuat perancangan menggunakan sistem baharu KOHA yang berasaskan sumber terbuka serta dibincangkan dalam sesi perjumpaan di antara wakil Bahagian Automasi, PLH dengan wakil Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) yang telah diadakan pada 24 November 2016. Pihak PLH dan PPPK telah bersetuju untuk melaksanakan perancangan pembangunan sistem Perpustakaan KOHA oleh pihak pembekal yang dilantik bagi memudahkan pengurusan sendiri pada masa akan datang.

Di antara faktor-faktor penting yang diambil kira dalam membuat perancangan untuk menggunakan sistem Perpustakaan KOHA bagi menggantikan sistem ILMU adalah kemampuan sistem berkenaan untuk berfungsi sepenuhnya, fleksibel dan menyeluruh. Ini melibatkan perkara-perkara berikut :

- Kos yang lebih rendah
- Bantuan sokongan (kepakaran dalaman)
- Perpustakaan mempunyai hak dan kuasa untuk melakukan sebarang perubahan atau penambahbaikan pada sistem yang digunakan
- Mudah untuk disepadukan dengan aplikasi-aplikasi lain, perkakasan dan sistem pelayan
- Pengurusan bahan-bahan dan operasi perpustakaan yang lebih efisien

Perancangan penggantian sistem ILMU kepada sistem Perpustakaan KOHA merupakan satu projek yang memerlukan gabungan staf yang mempunyai kepakaran dalam aspek-aspek teknikal dan operasi daripada PLH dan PPPK serta menggarap segala ilmu dan teknologi (*transfer of technology*) yang dilakukan oleh pihak pembekal bagi memudahkan pihak PLH dan PPPK melaksanakan operasi dan penyelenggaraan sistem setelah projek ini siap dan dilaksanakan.

'Kick off Meeting' dan Mesyuarat Teknikal Pelaksanaan Sistem KOHA di PLH telah diadakan pada 7 Januari 2019. Peringkat pelaksanaan seterusnya ialah *KOHA platform & structure setup*, *KOHA system setup*, *configuration of KOHA*, *migration data*, *patron staging table*, *SIP 2 modification*, *OPAC page*, *live KOHA testing period* dari 8 hingga 18 Mac 2019 dan penyerahan sistem kepada PLH pada 19 Mac 2019.

Latihan sistem KOHA kepada staf PLH telah diadakan sebanyak 2 sesi dari bulan Januari hingga Mac 2019 yang melibatkan modul KOHA Administration, Acquisitions, Serials, Cataloging, Circulation dan OPAC & User Account.

Bagi penggunaan modul di sistem KOHA boleh diakses oleh staf PLH di URL: <http://plh.utem.edu.my:8080> dan bagi pencarian bahan di OPAC serta penggunaan User Account oleh pengguna perpustakaan yang berdaftar boleh diakses dengan memasukkan nombor matrik/staf dan kata laluan di URL: <http://plh.utem.edu.my>



Penjenamaan Semula Program Pendidikan Pengguna (PPP) Kepada Program Literasi Maklumat (PLM) Di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM

Oleh : Rasida Abu Bakar

Perpustakaan Laman Hikmah berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti melalui perkongsian ilmu, pembangunan koleksi yang komprehensif, menyediakan infrastruktur yang lengkap dan kondusif bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi kepada warga UTeM.

Program Pendidikan Pengguna (PPP) telah mula diperkenalkan di perpustakaan pada tahun 2002 yang bermatlamat membantu pelajar membuat pencarian maklumat, bahan rujukan dan sumber maklumat atas talian yang berkesan serta menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan mereka. Sebagai sebuah pusat penyebaran ilmu, Perpustakaan Laman Hikmah mengambil inisiatif baharu untuk membuat penjenamaan semula nama perkhidmatan Program Pendidikan Pengguna kepada satu nama baharu yang lebih progresif dan kompetitif iaitu Program Literasi Maklumat (PLM) yang turut menyokong kepada Agenda Literasi Maklumat Kebangsaan (NILA). Adalah menjadi kepentingan kepada perpustakaan untuk peka dan sentiasa melihat dari semasa ke semasa impak perkhidmatan yang ditawarkan agar ianya lebih mantap dan mencerminkan perpustakaan berperanan utama dalam menjulang dan mengangkat kesarjanaan ilmu di tempat yang sewajarnya.

Secara kontekstual, literasi maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam pelbagai format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif dan berkesan. Ia juga boleh didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membantu membuat pemilihan dan penyelesaian masalah secara efektif.

Menurut Shigeru Aoyagi, Ketua Bahagian Pendidikan Asas, UNESCO menyatakan bahawa bagi semua masyarakat, Literasi Maklumat menjadi komponen yang semakin penting bukan sahaja mengenai dasar dan strategi celik huruf, tetapi juga daripada dasar-dasar global untuk mengalakkan pembangunan manusia." UNESCO (2003) Menuju Masyarakat Literasi Maklumat.

Perkhidmatan Program Literasi Maklumat menonjolkan satu imej baharu yang ditambahbaik dan ditambah nilai yang memberi impak yang lebih positif kepada warga Universiti terutamanya golongan pelajar bagi membantu mereka di dalam pencarian maklumat, bahan rujukan yang sahih dan sumber maklumat atas talian yang berkesan serta menyokong proses pembelajaran dan penyelidikan. Sebelum ini, Program Pendidikan Pengguna menyediakan empat modul utama namun telah ditambahbaik menjadi tujuh modul yang relevan dan berimpak. Selain itu, Program Literasi Maklumat memberikan imej baharu yang tersendiri dan menjadi pemangkin ke arah melahirkan graduan yang cemerlang dan penghasilan penyelidikan bertaraf global.

Sehubungan dengan itu, bagi merekayasa kelestarian perpustakaan dalam menyediakan keperluan sumber maklumat yang berkualiti kepada warga universiti, adalah bersesuaian perkhidmatan Program Pendidikan Pengguna dijenamakan semula dengan nama baharu iaitu Program Literasi Maklumat yang lebih jelas maksudnya dan mudah difahami seiring dengan Rangka Kerja Literasi Maklumat Malaysia (Rajah 1).


KRONOLOGI PROGRAM LITERASI MAKLUMAT PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

- ▶ 2002 : Kelas Kemahiran Maklumat / *Information Skills Class*
- ▶ 2011 : Kelas Pendidikan Maklumat / *Information Education Class*
- ▶ 2015 : Program Pendidikan Pengguna / *User Education Programme*
- ▶ September 2019 : Program Literasi Maklumat / *Information Literacy Programme*



Program Pendidikan Pengguna (PPP)	Program Literasi Maklumat (PLM)
Empat (4) Modul;	Tujuh (7) Modul;
(1) Pengenalan kepada Perpustakaan	
(2) Kemahiran Pencarian Maklumat	
(3) Turnitin	
(4) GRA/RA/SRA	
Penjenamaan Semula	
	(1) Pengenalan kepada Perpustakaan
	(2) Kemahiran Pencarian Maklumat
	(3) Turnitin
	(4) GRA/RA/SRA
	(5) Literature Search
	(6) Mendeley
	(7) Akses Terbuka

Rajah 1: Rangka Kerja Literasi Maklumat Malaysia
(Sumber: Edzan, N.N. and Mohd Sharif Mohd Saad, 2005)




INFO

Frasa Literasi Maklumat pertama kali digunakan dalam laporan cetakan pada tahun 1974 yang ditulis atas nama Suruhanjaya Kebangsaan Perpustakaan dan Sains Maklumat oleh Paul G. Zukowski, iaitu presiden Persatuan Industri dan Perisian Maklumat.

Sumber Rujukan:

Mohd Sharif Mohd Saad and N.N. Edzan. 2005a. Information literacy initiatives in Malaysia: a framework for implementation. In *The Visible Librarian in the Virtual World: Papers and Proceedings of the PPM-LAS Commemorative Conference*, Kuala Lumpur 6–8 April 2005, 77–89. Kuala Lumpur: Librarians Association of Malaysia.

UNSECO. 2003. Towards an information literate society. Retrieved 19 September 2016, from <http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CI/CI/pdf/PragueDeclaration.pdf>





Penganjuran Pameran Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

Oleh : Hayani Abu Yamin

Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) telah menganjurkan pameran bersempena dengan Mesyuarat MAPITA dan Mesyuarat CIO KPM. Pameran ini melibatkan PTJ dibawah Pejabat Ketua Pegawai Maklumat iaitu Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dan Penerbit Universiti (PU).

Antara objektifnya adalah untuk mempamerkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, pencapaian, kejayaan, inovasi dan amalan-amalan terbaik setiap PTJ serta memperkenalkan dan mempromosikan pejabat-pejabat di bawah pejabat Ketua Pegawai Maklumat kepada umum. Penjualan buku-buku serta bahan-bahan penerbitan juga turut diadakan.

Pameran berlangsung dengan lancar dan amat baik selama 2 hari bermula 12 hingga 13 November 2019 di Ruang Legar PPPK.



WINNER ANNOUNCEMENT

“SPREADING GOOD VIBES IN ORGANIZATION”

ENGLISH LANGUAGE CAMPAIGN AMONGST STAFFS OF PPPK & CIO

by : Siti Zurah Mohd Nasir

At the beginning of the publication of RADIUSCIO@UTeM Issue of 1st Edition of 2017, the PPPK through its Administration & Finance Unit launched an English Language Culture Campaign among staff. Throughout the years of 2018 to 2019, public speaking activities were participated through by the wing of the office and by the charity club under the PPPK, KSCOM. Jury competition among PPPK High Management. The announcement of the winners and prizes was presented by the Director of the PPPK on NOVEMBER 11, 2019. The following are the details of the winners:

ENGLISH COMPETITION OF “SPREADING GOOD VIBES IN ORGANIZATION” YEAR 2019		PRIZES
GROUP / PRESENTATION TITLE		
GROUP 5 POSITIVE THINKING WILL LET YOU DO EVERYTHING BETTER THAN NEGATIVE THINKING WILL		1 RM350
GROUP 7 SIMPLE GREETING CREATES AWESOME COMMUNICATION		2 RM250
GROUP 4 DON’T JUDGE A BOOK BY ITS COVER		3 RM150
GROUP 2 ATTITUDE IS A LITTLE THING THAT MAKES A BIG DIFFERENCE		GIFT RM60
GROUP 3 RAMADAN		GIFT RM60
GROUP 1 FIND WHAT’S POSITIVE IN OTHER COLLEAGUES		GIFT RM60
GROUP 6 FORGIVE AND FORGET		GIFT RM60

This English Cultural Campaign will continue in the coming years aimed at promoting the morale and encouraging of all PPPK members who speak English in both organizational and daily affairs.



PLH TERIMA PENARAFAN 2 BINTANG BAGI MaPTeP 2019

Oleh: Norshahila Che Din

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) sekali lagi menerima pengiktirafan yang memberangsangkan dalam melaksanakan polisi tenaga di pusat tanggungjawab berdasarkan Sistem Pengurusan Tenaga UTeM (MaPTeP) bagi tahun 2019 di mana PLH telah menerima penarafan 2 Bintang berbanding 1 Bintang pada tahun 2018.

Pengiktirafan ini bertujuan untuk mengekalkan momentum pelaksanaan polisi tenaga di Pusat Tanggungjawab sebagai salah satu cara bagi memastikan kelangsungan pengurusan tenaga yang berkesan di Pusat Tanggungjawab yang terlibat berdasarkan 6 elemen yang ditetapkan di dalam MaPTeP untuk pengurusan tenaga yang lestari.

AJK Pengurusan Tenaga PLH yang terdiri dari 8 orang ahli telah melaksanakan program-program kesedaran sepanjang tahun 2019 seperti Taklimat Pengurusan Tenaga dengan kerjasama Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA), edaran brosur penjimatatan tenaga kepada pengguna perpustakaan, poster-poster kesedaran jimat elektrik, peringatan mesra berkaitan penjimatatan tenaga melalui telegram dan emel perpustakaan, kemaskini maklumat di Info Sudut Tenaga dan lain-lain.

Bagi tahun 2019, 7 buah fakulti/PTj telah menerima penarafan 1 Bintang manakala 4 buah fakulti/PTj telah menerima penarafan 2 Bintang. Sijil penghargaan kepada wakil-wakil pusat tanggungjawab telah disampaikan oleh YB. Datuk Tey Kok Kiew, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi sewaktu Majlis Penutup Program Penghayatan Alam Sekitar 2019 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (PPAS 2019 UTeM) bertempat di Arked Kolej Kediaman Lestari, UTeM pada 23 Oktober 2019 yang lalu. Puan Norshahila Che Din selaku Penolong Pengurus Tenaga, PLH telah mewakili perpustakaan menerima sijil ini.

Syabas diucapkan kepada semua warga perpustakaan yang telah memberikan komitmen yang padu dan berusaha melaksanakan penjimatatan tenaga secara berterusan di perpustakaan. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.



Oleh: Norshahila Che Din

PLH MENANG PINGAT PERAK ANUGERAH HIJAU NEGERI MELAKA 2019

Tahniah diucapkan kepada warga PLH!

Anugerah Hijau Negeri Melaka 2019 merupakan satu platform pengiktirafan dan penghargaan kepada agensi awam/swasta, institusi awam/swasta, industri dan komuniti yang terlibat dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif teknologi hijau di Negeri Melaka.

Anugerah Hijau Negeri Melaka dianjurkan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) selaku agensi yang bertanggungjawab sebagai peneraju teknologi hijau di Negeri Melaka. Anugerah ini telah dianjurkan sejak tahun 2015 dan tahun 2019 merupakan tahun ke- 5 penganjurannya.

Antara objektif penganjuran diadakan adalah:

- Memberikan pengiktirafan kepada agensi awam/swasta, institusi awam/swasta, industri dan komuniti yang melaksanakan amalan teknologi hijau
- Menggalakkan lebih banyak penglibatan agensi awam/swasta, institusi awam/swasta, industri dan komuniti dalam pelaksanaan amalan teknologi hijau
- Membudayakan amalan teknologi hijau kepada semua peringkat usia
- Mempromosikan pelaksanaan teknologi hijau di Negeri Melaka

Terdapat 6 kategori yang telah dipertandingkan iaitu, Pembudayaan Hijau, Projek Hijau, Produk Hijau, Inovasi Hijau, Komuniti Hijau dan Program Tanggungjawab Sosial Korporat Hijau. Sebagai sebuah jabatan yang menyokong pelaksanaan amalan hijau dan pengurusan tenaga yang cekap di UTem, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah mengambil peluang ini untuk mempertandingkan salah satu inisiatif yang telah dibangunkan di perpustakaan iaitu “Auto Shut Down System” di bawah kategori Inovasi Hijau.

PLH telah diwakili oleh Puan Norshahila Che Din dan Encik Mohamad Azhari Johari bagi sesi pembentangan kertas kerja selama 30 minit yang telah diadakan di pejabat PTHM pada 27 Ogos 2019 yang lalu. Alhamdulillah, PLH telah berjaya memenangi Pingat Perak bagi kategori tersebut dan pengiktirafan tersebut telah disempurnakan oleh YB. Datuk Tey Kok Kiew, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau pada Majlis Anugerah Hijau Negeri Melaka 2019 bertempat di Hotel Ramada Plaza Melaka pada 18 Oktober 2019.



Majlis Pelancaran



Oleh : Azman Hj. Ayub

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada 24 Oktober 2019 - Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah mengadakan Majlis Pelancaran *Read@Uni* sebagai inisiatif bagi menyokong Program Read@Uni Peringkat IPT yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Maszlee Malik pada 29 November 2018 bersempena Kempen Dekad Membaca Kebangsaan. Program ini merupakan inisiatif bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030 dan akan dilaksanakan melalui perpustakaan di semua universiti awam dan swasta.

Dengan slogan '*With Knowledge We Lead*' dan bertemakan #Malaysiamembaca, kempen ini bertujuan untuk mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan dapat menyemarakkan lagi pembacaan di kalangan kumpulan sasaran iaitu mahasiswa, pensyarah dan staf pentadbiran. Ia selaras dengan hala tuju kerajaan untuk mewujudkan bangsa berilmu bertaraf dunia serta mendukung pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Bagi menyokong aspirasi ini, pelbagai aktiviti telah diadakan oleh PLH bermula dari Oktober 2018 untuk mewujudkan kesedaran dan kepentingan dalam pembacaan serta lebih penting bertujuan untuk memastikan program penggiatan budaya membaca yang terancang dan berterusan dapat dilaksanakan di UTeM.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai-pegawai Kanan, staf universiti, mahasiswa serta wakil Universiti Awam dan Swasta. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc., Pengurus Lembaga Pengarah UTeM (LPU) diiringi oleh Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM dan Encik Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat.

Dalam ucapannya, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim turut membangkitkan semangat warga UTeM bagi

membudayakan amalan membaca dalam kehidupan sehari-hari. Katanya amalan membaca dijangka akan memberi impak yang tinggi kerana mampu melahirkan *knowledge society* yang mempunyai minda kelas pertama serta berfikiran kritis serta terkehadapan. Ciri-ciri modal insan sebegini amat diperlukan dalam persaingan di era globalisasi yang serba mencabar. Katanya lagi, membaca dapat menerapkan budaya literasi sebagai nilai tambah kepada setiap diri individu untuk menjadi insan berjaya dan berilmu.

Kemuncak kepada majlis tersebut adalah sesi perkongsian pengalaman dan pengetahuan Pengurus LPU dalam slot "*My Golden Experience*" ketika zaman pembelajarannya dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di *Kings College London*. Beliau menekankan betapa pentingnya pembacaan dan ilmu pengetahuan untuk terus berjaya. Kebanyakan genre bahan ilmiah beliau adalah dalam bidang kejuruteraan yang beliau ceburi yang dapat mengukuhkan lagi ketokohan beliau dalam bidang tersebut.

Dalam majlis yang sama, Pengurusan Tinggi Universiti turut menyumbangkan buku koleksi peribadi kepada PLH untuk pembangunan koleksi perpustakaan bagi dimanfaatkan kepada seluruh warga universiti. Antara aktiviti *Read@Uni* yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti program bedah buku, *agency talk*, bengkel *speed reading*, bengkel penulisan penyelidikan, pertandingan debat mahasiswa dan lain-lain. Penyampaian hadiah juga turut diberikan kepada pemenang bagi peminjam buku terbanyak kategori pelajar dan staf, pengunjung paling kerap hadir dan penyumbang buku terbanyak di PLH. Para tetamu yang hadir juga turut dibawa melawat reruai pameran dan sekitar PLH seperti Galeri Tun Canselor, Laman Sasterawan, *Game Corner* dan Ruang Santai.



PLH Endah@Komuniti

Seramai 30 orang staf Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah terlibat dalam program khidmat bakti "PLH Endah@Komuniti" bersama anak-anak yatim di Pusat Sumber Mini, Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Daerah Jasin, Melaka (PKAYIDJ) pada 19 November 2019.

Objektif utama program adalah untuk memberikan sumbangan dalam bentuk tenaga, pengetahuan dan kemahiran kepada golongan anak yatim. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat bertimbang rasa dan keprihatinan terhadap komuniti di persekitaran UTeM.

Idea pelaksanaan program ini dicetuskan oleh pihak pengurusan PLH bagi memberikan sokongan kepada pengurusan sekolah anak-anak yatim dalam membantu mendidik dan membesarkan golongan ini. Program ini merupakan salah satu aktiviti bagi mendekatkan warga PLH bersama komuniti sekitar, di samping kesedaran keperluan tanggungjawab sosial ke atas komuniti setempat.

Fokus utama program ini adalah menambahbaik persekitaran ruang perpustakaan dan memberikan sumbangan dalam bentuk bahan bacaan serta interaksi bersama penghuni pertubuhan kebajikan tersebut.

Secara keseluruhan program ini telah berjaya dilaksanakan dengan sumbangan idea dan tenaga dari kedua belah pihak di samping sokongan padu daripada Encik Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat, UTeM.

Di akhir program tersebut, sebagai simbolik kepada kerjasama di antara dua pihak, Encik Azman Hj Ayup, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan telah menyerahkan cenderamata berbentuk plug dan buku-buku sumbangan kepada Tuan Haji Ghafar Mohd Yusuf, Pengurus PKAYIDJ untuk kegunaan warga PKAYIDJ.

Diharapkan dengan penganjuran program ini, ia akan meningkatkan kerjasama PLH dan UTeM dengan masyarakat setempat di samping menjadi contoh kepada pihak-pihak lain yang ingin turut sama menghulur khidmat bakti kepada masyarakat.



PROGRAM BEDAH BUKU

Bersama

PROFESOR MADYA DR. NORLIAH KUDUS

Oleh: Fauziah Hassan

Dalam usaha memperkasakan aktiviti galakan membaca di peringkat Universiti, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pelbagai program galakan membaca secara terancang dan berterusan.

Pada 24 Oktober 2019, jam 2.30 petang telah diadakan program "Bedah Buku Bersama Profesor Madya Dr. Norliah Kudus: Organisasi Pembelajaran Memacu Kecemerlangan Universiti" bertempat di Ruang Santai, PLH dengan Puan Nurdyana Izany Ahmad Ahsan selaku moderator. Program ini berjaya menarik perhatian peserta dengan pembedahan dan diskusi oleh PM Dr. Norliah.

Program ini adalah sesi perkongsian ilmu dan perbincangan ilmiah secara santai untuk mencetuskan aspirasi serta matlamat dalam mendepani masa hadapan di kalangan warga UTeM dan membincangkan peranan organisasi pembelajaran ke arah memacu kecemerlangan sesebuah organisasi di institusi pengajian tinggi. Ianya menjelaskan kecemerlangan organisasi pembelajaran yang sewajarnya dihayati oleh seluruh warga universiti melibatkan pengurusan universiti, ahli akademik, pentadbir dan pembuat polisi pengajian tinggi di Malaysia.

Objektif program ini adalah untuk:

1. Meningkatkan ilmu kepada warga UTeM daripada sesi perkongsian ilmu dan pengalaman penulis sendiri yang telah berjaya mengetengahkan aspek perbincangan, cadangan dan pandangan dengan jelas tentang keperluan universiti berfungsi sebagai organisasi pembelajaran dalam membina kapasiti sumber manusia yang berdaya saing.



2. Memberi pendedahan kepada para peserta tentang kepentingan universiti berfungsi sebagai organisasi pembelajaran yang mengutamakan pembelajaran berterusan dalam membina kapasiti sumber manusia untuk bertindak balas kepada perubahan, keinginan dan cabaran dalaman serta luaran.
3. Usaha untuk menarik lebih ramai pengguna hadir ke perpustakaan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan PLH.

Program ini dihadiri dengan penyertaan daripada pelajar, staf UTeM, Universiti Awam dan Universiti Swasta sekitar negeri Melaka.





BENGKEL

"Step By Step Guide To Writing Research Paper"

Oleh : Nor Ilyah Othman



Penyelidikan bukan saja mampu meningkatkan martabat sistem pendidikan sesebuah universiti, malah turut menjadi aset penting kepada negara. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) adalah antara universiti yang giat melahirkan ahli akademik dan penyelidik bertaraf profesional di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Bengkel "Step by Step Guide to Writing Research Paper" telah diadakan selama 2 hari bermula 2 - 3 Oktober 2019 di Bilik Pangkalan Data, Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM. Seramai 37 peserta yang terdiri daripada akademik, penyelidik serta pelajar pasca siswazah daripada dalam dan luar UTeM telah menghadiri bengkel tersebut. Bengkel ini adalah anjuran Unit Bantuan Penyelidikan, Seksyen Rujukan, Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan Laman Hikmah dengan kerjasama UTeMASA dan Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (CRIM). Penceramah jemputan adalah Dr. Nurul Fadly bin Habidin yang merupakan Pensyarah Kanan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Antara objektif bengkel ini adalah meningkatkan daya saing antara akademia, penyelidik dan pelajar untuk menghasilkan penerbitan jurnal yang berkualiti tinggi, memberi pendedahan kepada penyelidik kaedah / tips penulisan jurnal yang berkesan, dan meningkatkan penerbitan jurnal yang mempunyai impak faktor.

Bengkel ini telah mendapat maklum balas dan sambutan yang baik daripada peserta dan diharapkan perkongsian ini memberi semangat yang sangat positif kepada semua peserta yang telah hadir.





Penerbit Universiti tekad untuk merealisasikan matlamat menghasilkan penerbitan karya kreatif yang bermutu dan meningkatkan citra positif universiti serta memasyarakatkan universiti. Bengkel Hala Tuju Penerbitan Karya Kreatif UTeM telah diadakan pada 19 dan 20 November 2019 di Metrasquare Hotel, Ayer Keroh, Melaka.

Menurut Ketua Pegawai Maklumat UTeM merangkap Pengurus Jawatankuasa Penerbitan Karya Kreatif (JKPKK), Encik Mohd Isa Mohd Dom, penganjuran bengkel turut bertujuan mengumpulkan semua ahli bagi merancang hala tuju yang lebih jelas terhadap penerbitan karya kreatif bagi tahun 2020-2025.

17 orang peserta yang terdiri daripada ahli JKPKK diberi pendedahan berkaitan penerbitan karya kreatif menerusi perkongsian pengalaman bersama-sama para penggiat penerbitan dari luar.

Perkongsian pertama dengan topik perolehan, pemilihan dan penilaian manuskrip berkualiti disampaikan oleh Pengarah Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Dr. Abang Padeli Harun. Manakala sesi perkongsian kedua dengan topik kebolehpasaran manuskrip dan persaingan dalam industri buku oleh Dato' Muhammad Zakariah, Penasihat Penerbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.

Karya Kreatif merupakan penulisan bebas yang tidak terikat dengan fakta penyelidikan / ilmiah tetapi masih mempunyai nilai-nilai murni yang bersifat mendidik serta sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat. Ia merangkumi penulisan berimpak seperti memoir, biografi, autobiografi dan penulisan bebas seperti buku panduan, pendidikan, motivasi, novel, penulisan cerek atau fiksyen.

Penerbitan kategori Karya Kreatif telah mendapat kelulusan dari Universiti untuk dilaksanakan atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2018.

BENGKEL HALA TUJU PENERBITAN KARYA KREATIF UTeM

Oleh: Fatonah Salehuddin

PROGRAM 120 Days FIT CHALLENGE

Oleh: Rafidah Kassim

Program ini dianjurkan bertitik tolak daripada hasil Laporan Pemeriksaan Asas Kesihatan yang telah dijalankan ke atas staf PPPK dan Pej CIO pada 11 September 2019 yang lalu. Hasil daripada laporan ini mendapati lebih separuh daripada staf berada dalam BMI melebihi 25 (berlebihan berat badan).

Atas saranan Pihak Pengurusan Tertinggi PPPK, K-SCOM telah mengambil langkah untuk menganjurkan program yang berkoncepcian program “The Biggest Loser”. Program ini telah dijalankan bermula dari Oktober 2019 sehingga Februari 2020. Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan dan mengamalkan suasana gaya hidup sihat di kalangan ahli dalam usaha menurunkan berat badan.

Sesi penimbangan akan diadakan sekali pada setiap bulan di mana berat semua peserta akan diukur menggunakan alat penimbang berat badan yang telah ditetapkan. Sebagai motivasi ahli untuk menurunkan berat badan kepada berat badan yang lebih sihat dan ideal, K-SCOM akan memberikan hadiah menarik kepada 3 peserta yang berjaya menurunkan berat badan yang terbanyak.



- Trend mewarna di kalangan dewasa telah popular di negara seperti Eropah dan Amerika. Ini adalah kerana aktiviti mewarna dapat mengurangkan stress serta kerisauan di kalangan individu dewasa. Mewarna boleh merangsang beberapa bahagian berbeza di dalam otak dengan aplikasi skil mewarna, kreativiti serta koordinasi.

Aktiviti Mewarna

Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

MENGHILANGKAN TEKANAN DI TEMPAT KERJA

BILA KALI TERAKHIR KITA MELUKIS ATAU MEWARNA?

Bagi staf Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (Pej CIO), pada 09 Oktober 2019 telah mengadakan aktiviti mewarna dengan memilih lakaran gambar mengikut kegemaran masing-masing. Aktiviti 2 jam ini cukup memberikan keseronokkan dan sedikit sebanyak mengurangkan stress dan melupakan seketika masalah dan tekanan yang sedang dihadapi. Ia juga dapat membawa pulang imaginasi ketika zaman kanak-kanak di mana ketika itu kita bebas daripada tekanan.

Ada yang memilih mewarna gambar animasi, pemandangan, flora dan fauna mengikut minat si pewarna. Paling menarik sekali, pihak Pengurusan telah memilih gambar-gambar yang diwarnakan dengan memamerkan hasil kerja mereka ini di sekitar ruang kerja. Turut diberikan hadiah saguhati berbentuk wang tunai kepada tiga gambar mewarna terbaik. Aktiviti ini seharusnya diadakan lebih kerap kerana keseronokkan mewarna ini mengembalikan semula nostalgia ketika di zaman kanak-kanak.



HIDUP SIHAT KELUARGA BAHAGIA

Oleh :
Siti Zurah Mohd Nasir

UTeM 11 September 2019: Seramai 76 orang staf Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (Pej CIO) telah mengikuti program pemeriksaan kesihatan asas yang julung kali diadakan bertempat di PPPK.

Inisiatif mengadakan program ini adalah untuk membantu staf memantau prestasi tahanan kesihatan masing-masing dan menggalakkan amalan gaya hidup sihat di kalangan mereka. Persekutuan kerja dan bebanan tugas mengundang tekanan kerja yang menyebabkan mereka terdedah kepada ancaman kesihatan. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (JKKP PPPK) dengan kerjasama Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Melaka.

Semua staf berpeluang menjalani pemeriksaan asas kesihatan yang meliputi pemeriksaan BMI, ujian glukos dan tekanan darah tinggi. Manakala bagi pemeriksaan memogram turut ditawarkan kepada staf wanita dan pemeriksaan ini dijalankan di hospital terpilih melalui permohonan daripada LPPKN. Rata-rata staf di sini menyarankan agar pemeriksaan sebegini diadakan setiap tahun.



PENGSAN TERKENA RENJATAN ELEKTRIK



UTeM 25 Julai 2019: Seorang staf pengsan terkena renjatan elektrik manakala seorang lagi patah tangan ketika bertugas. Kejadian berlaku di Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi kira-kira 9:00 pagi di sini.

Ini merupakan senario yang berlaku pada Latihan Kebakaran yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh semua ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PPPK dan semua penghuni bangunan yang diketuai oleh Komander Khairin bin Abdullah.

Latihan ini dihadiri oleh 166 orang penghuni bangunan dan penganjuran program ini bertujuan memberi pendedahan kepada staf tentang situasi sebenar untuk menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran khususnya di pejabat. Latihan ini adalah penting untuk memberi pengetahuan kepada semua staf tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya situasi sebenar kebakaran berlaku.

Dengan kerjasama pasukan penyelamat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Ayer Keroh, Melaka, latihan ini telah memberikan impak yang besar dan bermakna kepada warga organisasi dan memupuk semangat saling membantu rakan sekerja.

LANGKAH MENYELAMATKAN RAKAN TERKENA KEJUTAN ELEKTRIK

- ▶ Tutup suis bekalan utama jika diketahui tempatnya.
- ▶ Jika tidak diketahui suis utama atau suis untuk ketempat berkenaan maka gunakan bahan penebat seperti baju dan seumpamanya untuk menyelamatkan mangsa dengan menarik mangsa tersebut daripada tempat berarus tetapi pada masa yang sama sentiasa berhati-hati supaya badan simangsa tidak tersentuh dengan badan kita ketika arus elektrik masih mengalir ditubuhnya.
- ▶ Jika mangsa tidak sedarkan diri gunakan rawatan pertolongan cemas atau pemuliharaan pernafasan.
- ▶ Bawa si mangsa kehospital untuk bantuan perubatan seterusnya






SEBAIK melangkah ke ruang kerja Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) pengunjung dapat melihat perubahan persekitaran yang agak berbeza sebelum ini kerana kakitangannya bekerjasama mendekorasi ruang pejabat mereka mengikut citarasa dan konsep tersendiri.

Pendapat mereka pejabat tidak seharusnya dalam keadaan terlalu formal kerana ia memberi kesan kepada aktiviti sosial yang membosankan. Oleh itu, kakitangan pejabat ini memilih tarikh 15 November 2019 untuk mereka merealisasikan projek keceriaan secara gotong-royong ini.

Padanan kertas dinding, menyusun atur perabot, mewarnakan dinding dengan warna cat pilihan, menghiasi sudut-sudut dengan hiasan pokok bunga kehijauan antara elemen yang diterapkan mereka untuk mengadunkan cita rasa moden dan semula jadi kerana pokok asli yang dijaga rapi menyumbang kepada persekitaran segar. Selain mewujudkan keceriaan di kalangan staf dan suasana bekerja yang santai dan dilihat salah satu cara mengurangkan tekanan kerja dengan bekerja dalam suasana yang ceria dan cantik.

DIMENSI BAHARU RUANG PEJABAT

Oleh : Siti Zurah Mohd Nasir



Lawatan Ke UUM PRESS

Oleh : Arjunaidy Damek

SINTOK, 8 September 2019 (Ahad) - Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Penerbit Universiti) telah mengadakan satu lawatan kerja ke UUM Press, Universiti Utara Malaysia. Seramai 16 orang yang menyertai lawatan, terdiri daripada 14 orang staf lelaki dan 2 orang staf perempuan. Turut hadir bersama adalah Pengarah Penerbit Universiti iaitu Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad.

Lawatan ini bertujuan untuk mendalami keperluan-keperluan teknologi baru dan terkehadapan dalam bidang penerbitan bahan ilmiah, penghasilan grafik yang bermutu serta produk multimedia yang terbaik. Selain itu juga memberi peluang sama rata kepada staf untuk mempelajari sesuatu yang boleh digunakan dalam meningkatkan kecekapan tugas masing-masing.

Lawatan bermula di Anjung Tamu UUM di mana kami diberi penerangan berkaitan sejarah penubuhan UUM dan fasiliti yang disediakan untuk kemudahan pelajar dan staf. Seterusnya kami dibawa melawat Kedai Buku UUM Press yang terletak di Varsity Mall yang mempamerkan buku-buku terbitan UUM Press. Selepas itu kami telah diberi taklimat ringkas di pejabat UUM Press oleh wakil mereka yang mesra. Kami juga turut berpeluang melawat sekitar kawasan kerja UUM Press seperti ruang pejabat, bilik cetak, 'workstation' dan lain-lain lagi.

Lawatan kami diakhiri dengan melawat Unifilm Studio yang terletak di bangunan Perpustakaan Sultanah Bahiyah. Banyak ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh kami sepanjang lawatan ini berlangsung. Diharap agar lawatan ini bukan sahaja memberi ilmu-ilmu baharu kepada kami malah mampu memberi inspirasi dan aspirasi untuk melakukan tugas dengan lebih baik di masa akan datang.



Kunjungan dari Penerbit UPSI

Oleh:
Arjunaidy Damek

MELAKA, 4 Disember 2019 (Rabu) - Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Penerbit Universiti) telah menerima kunjungan daripada Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (Penerbit UPSI). Lawatan tersebut telah disertai oleh seramai 17 orang staf yang diketuai oleh Pengarah iaitu Prof. Madya Dr. Rosmilah Misnan.

Kunjungan setengah hari itu dimulakan dengan ucapan aluan oleh wakil Pengarah Penerbit Universiti iaitu Encik Nurhafidz Abdul Sahak yang memberi maklumat tentang latar belakang penubuhan dan fungsi-fungsi setiap bahagian yang beroperasi di Penerbit Universiti. Penerangan tersebut turut diselang seli dengan sesi soal jawab dan dialog bersama delegasi Penerbit UPSI. Penerbit Universiti dan Penerbit UPSI turut berkongsi pandangan dan pengalaman dalam pengurusan penerbitan buku, pengurusan jurnal, pengurusan pemasaran dan pengurusan reka bentuk grafik.

Selepas sesi perbincangan, delegasi Penerbit UPSI turut dibawa melawat ruang kerja Penerbit Universiti dan melihat sendiri bagaimana proses kerja bagi penerbitan sesebuah buku yang dihasilkan. Penerangan telah disampaikan oleh Encik Mohd Rashid Jantan selaku Ketua Bahagian Percetakan dan Penjiidan.

Lawatan diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata oleh kedua-dua belah pihak di mana Encik Mohd Isa Mohd Dom selaku Ketua Pegawai Maklumat mewakili Penerbit Universiti manakala Prof. Madya Dr. Rosmilah Misnan mewakili Penerbit UPSI.



UTeM IKTIRAF PENULIS BUKU

Oleh : Faradila Md Yusof

Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM 2019 telah diadakan pada 6 Disember 2019 yang lalu di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi UTeM. Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim. Dalam ucapannya, Profesor Datuk Wira Dr. Raha mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku di UTeM. Beliau menyatakan bahawa penerbitan buku sangat penting dalam mengangkat martabat sesebuah masyarakat serta memberikan impak yang besar untuk kemajuan tamadun sesebuah bangsa. Oleh yang demikian UTeM akan terus menerbitkan buku yang berkualiti sesuai dengan peranannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi teknikal.

Pada majlis ini telah diadakan pelancaran buku terbitan UTeM tahun 2018 dan 2019, penyampaian anugerah-anugerah bagi penerbitan buku serta penyampaian sijil penghargaan kepada ahli Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah Universiti dan Jawatankuasa Penerbitan Karya Kreatif.

Menurut Pengarah Penerbit Universiti, Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad, majlis ini diadakan bagi mengiktiraf semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku di UTeM. Selain itu majlis pelancaran buku turut diadakan bagi memperkenalkan buku-buku terkini yang telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti.



SENARAI PENERIMA ANUGERAH

NAMA ANUGERAH	KATEGORI	NAMA PENULIS	TAJUK BUKU
Anugerah Penerima Royalti Tertinggi	Modul Ilmiah Karya Kreatif	Irianto Khairum bin Hamzah Rahaini binti Mohd Said Nor Hamizah binti Miswan Ezzatul Farhain binti Azmi Dr. Linda Khoo Mei Sui Dr. Indra Devi A/P M. Subramaniam Nadiyah binti Zainal Teh Zanariah binti Mohd Raus Dr. Ruziah binti Ali Mohd Isa bin Mohd Dom	Calculus for Engineering Technology Technical Report Writing Anjakan Paradigma Mendepani Cabaran Alumni UTeM
Anugerah Jumlah Jualan Tertinggi	Ilmiah Karya Kreatif	Mohd Nizam bin Yusof Ir. Dr. Anuar bin Mohamaed Kassim Dr. Ruziah binti Ali Mohd Isa bin Mohd Dom	Mari Belajar Bahasa Jepun Anjakan Paradigma Mendepani Cabaran Alumni UTeM
Anugerah Penulis Paling Aktif	Ilmiah Karya Kreatif	Prof. Dr. Hanipah binti Hussin Dr. Mahadi bin Abu Hassan	
Penghargaan Penerima Anugerah Buku Negara	2018 2019	Profesor Madya Ts. Dr. Muhammad Zahir bin Hassan Profesor Madya Dr. Norliah binti Kudus Datuk Profesor. Dr. Sufean bin Hussin	Fugitive Modelling of Braking Noise Organisasi Pembelajaran Memacu Kecemerlangan Universiti

Tahniah



PUSTAKAWAN GRED S52

Nama	PTj
Encik Azman bin Hj. Ayup	Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

PUSTAKAWAN GRED S44

Nama	PTj
Puan Norshahila binti Che Din	Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)
Encik Mohd Razif bin Dzulkipli	Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)
Puan Mez Zelina binti Yusof	Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)
Encik Zaidi bin Saad	Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

PEREKA GRED B44

Nama	PTj
Puan Hanisah binti Hamdzah	Penerbit Universiti (PU)

PENOLONG AKAUNTAN KANAN (KUP) W32

Nama	PTj
Encik Nazaruddin bin Md Yunus	Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK)

PEMBANTU PUSTAKAWAN GRED S22 (KUP)

Nama	PTj
Puan Khairunnisa binti Abdullah	Pejabat Ketua Pegawai Maklumat
Encik Muhammad Afiz bin Ahmad	Penerbit Universiti (PU)

JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT22 (KUP)

Nama	PTj
Puan Noor Hafizah binti Ahmad Tajuddin	Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK)

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N22 (KUP)

Nama	PTj
Norhayati binti Ahmad	Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK)

Penghargaan

**TERIMA KASIH
MANTAN PENGARAH PENERBIT UNIVERSITI**

NURHAFIDZ BIN ABDUL SAHAK
PEGAWAI SENI REKA KANAN
GRED B48
TEMPOH BERKHIDMAT DARI 1 JANUARI 2018 HINGGA 11 OGOS 2019

Sekalung Budi

**PERTUKARAN PENEMPATAN
PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI (PPPK)**

NURAISAH BINTI ABDUL WAHAB
SETIAUSAHA PEJABAT / GRED N29
TEMPOH BERKHIDMAT DARI 01 JUN 2006 HINGGA 06 DISEMBER 2019
BERTUKAR KE PUSAT SUKAN, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR

Seamat Datang

PENGARAH PENERBIT UNIVERSITI
TS. DR. SITI NURUL MAHFUZAH BINTI MOHAMAD
PENSYARAH/GRED DS51
TEMPOH LANTIKAN DARI 12 OGOS 2019 HINGGA 11 OGOS 2022

**SETIAUSAHA PEJABAT
PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI (PPPK)**
NUR JANNAH BINTI HASIMI
SETIAUSAHA PEJABAT / GRED N29
BERTUKAR DARI PUSAT SUKAN, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR

Sanggar Bahasa

COMMON VERBS IN ENGLISH

COMMON VERBS IN ENGLISH				COMMON VERBS IN ENGLISH			
• Accept	• Argue	• Bend	• Choose	• Create	• Differ	• Freeze	• Imagine
• Accuse	• Arise	• Bet	• Chop	• Creep	• Enter	• Fry	• Imply
• Achieve	• Arrange	• Bind	• Claim	• Criticize	• Discover	• Generate	• Impress
• Acknowledge	• Arrive	• Bite	• Climb	• Cry	• Discuss	• Get	• Improve
• Acquire	• Ask	• Blow	• Cling	• Cut	• Dislike	• Exist	• Include
• Adapt	• Assume	• Boil	• Come	• Dance	• Distribute	• Expand	• Incorporate
• Add	• Assure	• Borrow	• Commit	• Dare	• Dive	• Expect	• Indicate
• Adjust	• Astonish	• Bounce	• Communicate	• Deal	• Do	• Experiment	• Inform
• Admire	• Attach	• Bow	• Compare	• Decide	• Doubt	• Explain	• Insist
• Admit	• Attempt	• Break	• Compete	• Defer	• Drag	• Explore	• Install
• Adopt	• Attend	• Breed	• Complain	• Delay	• Dream	• Extend	• Intend
• Adore	• Attract	• Bring	• Complete	• Deliver	• Drill	• Fail	• Introduce
• Advise	• Avoid	• Broadcast	• Concern	• Demand	• Drink	• Fall	• Invest
• Afford	• Awake	• Build	• Confirm	• Deny	• Drive	• Feed	• Investigate
• Agree	• Bake	• Burn	• Consent	• Depend	• Drop	• Feel	• Involve
• Aim	• Bathe	• Burst	• Consider	• Describe	• Dry	• Fight	• Hide
• Allow	• Be	• Buy	• Consist	• Deserve	• Earn	• Find	• Hit
• Announce	• Bear	• Calculate	• Consult	• Desire	• Eat	• Finish	• Hold
• Anticipate	• Beat	• Can	• Contain	• Destroy	• Emphasize	• Fit	• Hop
• Apologize	• Become	• Could	• Continue	• Determine	• Enable	• Fly	• Hope
• Appear	• Beg	• Care	• Convince	• Develop	• Encourage	• Fold	• Hug
• Apply	• Begin	• Carry	• Cook	• Engage	• Follow	• Hurry	• Keep
• Appreciate	• Behave	• Catch	• Cost	• Enhance	• Forbid	• Hurt	• Kick
• Approach	• Believe	• Challenge	• Control	• Focus	• Identify	• Identify	• Kiss
• Argue	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Kneel
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Lay
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Lead
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Learn
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Leap
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Leave
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Lend
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Lie
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Lift
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Light
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Listen
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Look
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Lose
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Love
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Maintain
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Make
• Ascend	• Believe	• Challenge	• Communicate	• Focus	• Identify	• Identify	• Manage

PRESENT	PAST	PAST PARTICIPLE	PRESENT	PAST	PAST PARTICIPLE
accept	accepted	accepted	fill	filled	filled
agree	agreed	agreed	help	helped	helped
ask	asked	asked	invite	inveted	inveted
believe	believed	believed	learn	learned	learned
call	called	called	listen	listened	listened
close	closed	closed	move	moved	moved
decide	decided	decided	need	needed	needed
discuss	discussed	discussed	play	played	played
end	ended	ended	walk	walked	walked

KESILAPAN EJAAN

(i) Kesalahan Ejaan huruf besar atau huruf kecil

Salah	Betul
proton saga	Proton Saga
jabatan pendidikan negeri kelantan	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
jalur gemilang	Jalur Gemilang
Negeri	negeri
gunung Kinabalu	Gunung Kinabalu
khamis	Khamis
aidilfitri	Aidilfitri
sungai kelantan	Sungai Kelantan
MARA	Mara

(ii) Kesalahan Ejaan yang Melibatkan Tanda Sempang

Salah	Betul
1. 1980an	1980-an
2. adik beradik	adik-beradik
3. cantik cantik	cantik-cantik
4. ke 20	ke-20
5. ke tiga belas	ketiga belas
6. berpeluk pelukan	berpeluk-pelukan
7. memporakperandakan	memporak-perandakan
8. dikucarkacirkan	dikucar-kacirkan
9. seNusantara	se-Nusantara
10. Yang Dipertuan Agong	Yang di-Pertuan Agong

(iii) Kesalahan Ejaan yang dieja secara jarak atau rapat

Salah	Betul
cendera mata	cenderamata
pro kerajaan	prokerajaan
dwi bahasa	dwibahasa
pra-syarat	prasyarat
walaubagaimanapun	walau bagaimanapun
kadang kala	kadangkala
tata susila	tatasusila
apa kala	apakala
di semak	disemak
disini	di sini
temuduga	temu duga
sekaligus	sekali gus
keretapi	kereta api



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
www.utem.edu.my

PENERBIT UTeM Press

Laman Sesawang : www.utem.edu.my/penerbit

Kedai Buku Atas Talian : utembooks.utem.edu.my

Emel : penerbit@utem.edu.my

